

## NEGARA KECIL BERJIWA BESAR

Oleh : Jentayu

Apabila kita membicarakan tentang Korea Utara pasti persoalan yang mengasak benak kita adalah ia sebuah negara komunis, "pariah state", isolasi, degil dan keras kepala di bawah pemerintahan Kim Jong Un. Masakan tidak, negara yang dihuni oleh 24 juta rakyat itu mengamalkan sistem satu parti yang mana Presiden Kim Jong Un adalah pemerintah mutlak seperti mana bapa dan datuk beliau.

Korea Utara menumpukan kepada aspek kemajuan ketenteraan melebihi isu-isu lain dan memfokuskan perbelanjaan negara kepada perkara tersebut. Hal ini didorong oleh dasar-dasar domestik Korea Utara yang tidak mahu sama sekali faktor sistemik yang dikuasai Amerika Syarikat menentukan dasar negara mereka. Justeru, menyedari ancaman dari negara blok Barat, Korea Utara menjalankan dasar "hard and expencive" bagi meneruskan survival negara mereka di dalam struktur antarabangsa melalui pembangunan senjata nuklear.

Pembangunan senjata nuklear Korea Utara menjadi perhatian dan kekusaran masyarakat antarabangsa khususnya Korea Selatan dan Jepun kerana dua buah negara tersebut adalah negara sekutu bagi Amerika Syarikat dan dalam erti kata lain dua buah negara berjiran dengan Korea Utara itu menjadi "buffer zone" bagi Amerika Syarikat.

Kim Jong Un dilihat tidak gentar dengan sebarang ancaman dan juga kritikan khususnya dari negara sekutu Amerika Syarikat kerana bagi mereka adalah kedaulatan negara harus dipertahankan walau apa jua yang berlaku. Ia, sememangnya Korea Utara adalah sebuah negara yang kecil dari sudut geografi dan populasinya, tetapi kerana sifat keras kepala mereka menjadikan sehingga kini negara tersebut masih lagi tidak tunduk dengan pihak Barat.

Apa yang ingin disampaikan adalah, Malaysia tidak seharusnya mencontohi Korea Utara sebagai sebuah negara komunis yang hanya menumpukan kepada aspek ketenteraan semata-mata tetapi jiwa besar rakyat mereka yang terus berdiri bersama kerajaan dalam mempertahankan kedaulatan negara mereka itu yang menjadi pengajaran berguna. Sedangknn negara seperti Korea Utara sebagai sebuah negara tirani masih mampu menaikkan semangat patriotik dalam kalangan rakyatnya, kenapa Malaysia yang mengamalkan prinsip demokrasi dan kebebasan

kepada rakyatnya, mengutamakan pendidikan dan kemaslahatan rakyatnya masih lagi rakyatnya tiada semangat patriotik yang begitu ampuh?? Jawabannya ada pada mereka yang mahu berfikir.

#Jentayu

#BuildTheNation